

UCAPAN BAJET TAHUN 2012

YG. BHG. PUAN MAIMUNAH BINTI MOHD SHARIF

YANG DIPERTUA

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

26 OGOS 2011

Bismillahir Rahmanir Rahim,

Assalamualaikum W.M.H.B.K.T, Salam Sejahtera dan Selamat Pagi.

Yg. Bhg. Tuan - Tuan dan Puan - Puan yang dihormati sekalian, ketua-ketua jabatan dan juga pihak media.

Izinkan saya mohon mencadang, supaya suatu Bajet Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi tahun 2012 dibentang untuk ditimbang dan diluluskan di dalam Mesyuarat Penuh Khas hari ini.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, di hari dan bulan yang mulia ini, saya dapat bersama - sama dengan Ahli-Ahli Majlis membentangkan Bajet Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi tahun 2012 ini. Seperti yang sedia maklum, Bajet 2012 ini adalah merupakan pembentangan bajet yang pertama bagi saya sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai sejak dilantik memegang jawatan tersebut pada 16 Mac 2011 yang lalu.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, khususnya kepada Y.A.B. Ketua Menteri, kerana telah memberi kepercayaan penuh kepada saya selaku

wanita pertama dilantik menjadi Yang DiPertua MPSP, dan yang kedua di Negeri Pulau Pinang. Saya berjanji akan melaksanakan amanah tersebut dengan sebaik mungkin untuk memastikan MPSP terus berada di landasan yang betul bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada warga Seberang Perai.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih saya kepada mantan Yang Dipertua MPSP, Yg. Berhormat Dato' Mokhtar bin Mohd Jait yang telah memimpin dan meletakkan MPSP pada mercu kejayaan. Di bawah kepimpinan beliau, MPSP telah melaksanakan program transformasi dengan membentuk satu halatuju baru kepada Seberang Perai melalui pembentukan enam bidang keberhasilan utama atau (KRA).

Dalam fasa seterusnya, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk memastikan apa yang telah digariskan pada tahun lepas terus dipacu dan program-program serta aktiviti-aktiviti dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekelian,

Selama memikul tanggungjawab sebagai Yang Dipertua MPSP sejak 5 bulan lalu, saya sentiasa menyedari akan pentingnya untuk terus mengukuhkan kedudukan kewangan Majlis ini agar agenda pembangunan dapat terus diperkasakan sekaligus meningkatkan lagi taraf dan kualiti kehidupan rakyat.

Semua ini dapat dilaksanakan dengan strategi dan perancangan kewangan yang teratur. Alhamdulillah, dengan pendapatan dan

kedudukan MPSP yang semakin kukuh sekarang ini, serta sokongan Kerajaan Negeri dan Ahli-Ahli Majlis terhadap rancangan-rancangan dan usaha-usaha MPSP selama ini, kesejahteraan hidup warga Seberang Perai ini akan dapat dipertingkatkan lagi, insya Allah.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Di bawah Bajet 2012, usaha-usaha akan digembleng bagi mempertingkatkan pelaksanaan program-program pembersihan sejajar dengan program “*cleener, greener Penang*” yang diterajui oleh Kerajaan Negeri, seterusnya menjadikan Seberang Perai sebuah kawasan perbandaran yang bersih dan indah serta merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri bagi meletakkan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan untuk pelaburan, tarikan pelancungan dan tempat yang selesa untuk didiami dan bekerja.

Sukacita saya memaklumkan juga bahawa Anggaran 2012 telah diperiksa dan dibincang dengan komprehensif di antara Perbendaharaan dan Jabatan-Jabatan dalam MPSP. Kemudian ianya dibincangkan secara terperinci di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran dan Kewangan Khas pada 15 Ogos 2011 yang lalu. Setelah pembentangan dan perbincangan tersebut, Jawatankuasa berkenaan bersetuju memperakukan kepada Majlis ini supaya deraf Bajet 2012 ini dibawa untuk pertimbangan, dan kelulusan Mesyuarat Majlis Penuh Khas pada pagi ini.

Cadangan Bajet 2012

Pada tahun lepas Majlis telah meluluskan bajet 2011 dengan defisit sebanyak RM17.3 juta. Untuk memastikan agenda Majlis diteruskan, pada tahun hadapan saya mencadangkan peruntukan berjumlah RM201.87 juta berbanding anggaran pendapatan sebanyak RM172.18 juta. Ini bermakna pada tahun 2012 saya mencadangkan bajet defisit berjumlah RM29.7 juta iaitu tambahan defisit sebanyak RM12.4 juta, berbanding dengan defisit Bajet 2011. Bajet defisit ini adalah sebagai langkah proaktif Majlis untuk mempertingkatkan lagi fokus utama MPSP iaitu untuk memastikan tahap kebersihan Seberang Perai berada di tahap yang cemerlang. Bajet defisit ini tidak dapat dielakkan kerana selain dari kenaikan kos mengurus, defisit ini adalah keperluan untuk memberi perkhidmatan dan keselesaan kepada rakyat amnya. Kedudukan kewangan kita semakin pulih, dan sudah tiba masanya kita berkongsi kemakmuran yang kita kecapai bersama warga Seberang Perai. Sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang besar, kita harus mengimbangi antara, *"financial deficits with social gains"*. Sungguhpun sumber pendapatan Majlis terhad, kita masih perlu meneruskan agenda untuk memberikan perkhidmatan dan menyelesaikan masalah rakyat dengan sebaik mungkin.

Bajet merupakan pelaksanaan dasar dan polisi Majlis yang diterjemahkan dalam bentuk kewangan dan perakaunan. Dalam menggubal bajet tahun hadapan, kita mengambilkira pandangan semua pihak, penduduk, NGO, persatuan dan juga pandangan Ahli Majlis yang dikemukakan semasa pembentukan Transformasi MPSP dua tahun yang lalu. Pendekatan Majlis dalam menyediakan Bajet 2012 adalah

berbentuk keutamaan atau disebut sebagai “*Priority Based Budgeting*”. Dalam menyediakan keutamaan-keutamaan yang merupakan “*core business*” Majlis, kita berusaha untuk memastikan keperluan rakyat terutama warga Seberang Perai dilaksanakan pada had kemampuan kita. Dalam masa yang sama Majlis berusaha untuk mengukuhkan kedudukan kewangan disamping memastikan penduduk Seberang Perai mendapat perkhidmatan pada tahap yang “sustainable”.

Ahli Majlis-Ahli Majlis Sekalian,

Defisit tidak dapat dielakkan dalam bajet kali ini disebabkan oleh beberapa faktor iaitu :

- Pertama , untuk meningkatkan kebersihan Seberang Perai melalui:
 - (i) Projek Pembersihan Bersepadu
 - (ii) Pengurusan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Pulau Burung
 - (iii) Pengurusan dan operasi 'Transfer Station'
 - (iv) Pembelian kenderaan bagi tujuan aktiviti pembersihan dan menambahbaik penyampaian perkhidmatan Majlis.
- Kedua, bagi meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan Majlis dari aspek operasi harian dengan penyediaan kemudahan-kemudahan kepada bukan sahaja pekerja Majlis tetapi juga kepada warga Seberang Perai.

Dengan cadangan defisit berjumlah RM29.7 juta, adalah dicadangkan pembiayaan defisit melalui sumber-sumber berikut :

	RM
Penjualan bangunan MPSP di Butterworth	12,000,000
Penjualan tanah MPSP untuk projek perumahan di Ampang Jajar	9,700,000
Kumpulanwang MPSP (lebih terkumpul)	7,994,880

Ahli-Ahli Majlis Sekelian,

Adalah dijangkakan hasil dari penjualan aset-aset Majlis di atas akan diterima samada penghujung tahun ini atau selewat-lewatnya pada tahun hadapan. Terimaan penjualan ini yang berjumlah RM21.7 juta akan disimpan untuk menampung keperluan defisit untuk tahun 2012. Defisit ini juga akan ditampung melalui lebih terkumpul yang terdapat di dalam Kumpulanwang Majlis.

Lebih terkumpul yang terdapat dalam Kumpulanwang Majlis adalah mencukupi untuk membiayai sebahagian dari defisit tahun hadapan. Pada awal tahun ini kita telah memulakan operasi dengan lebih terkumpul sebanyak RM66.67 juta. Dengan mengambilkira bajet defisit tahun 2011 ini, iaitu RM17.3 juta, adalah dijangkakan baki lebih terkumpul kita pada hujung tahun ini adalah RM49.4 juta, cukup untuk menampung sebahagian defisit berjumlah RM7.99 juta tahun hadapan.

Prestasi Kewangan

MPSP telah menyediakan bajet defisit sebanyak 15.5 juta dan RM11.3 juta masing-masing pada tahun 2009 dan 2010. Walau bagaimanapun

semasa penutupan akaun berakhir 31 Disember, MPSP telah memperolehi lebihan sebenar sebanyak RM14.6 juta pada 2009 dan RM23.0 juta pada 2010. Ini bermakna sungguhpun bajet defisit masih relevan untuk memenuhi keperluan warga Seberang Perai, Majlis tetap berupaya mengekang tekanan defisit melalui perbelanjaan yang berhemah dan berhati-hati. Ini dilaksanakan melalui perolehan yang menguntungkan Majlis iaitu yang menyumbang “*value for money*” dan “outcome based” ke atas semua program-program dan projek-projek yang dilaksanakan. Majlis juga melaksanakan pendekatan dengan memberi keutamaan kepada perolehan majlis bersesuaian dengan keperluan semasa dan kedudukan tunai Majlis.

Anggaran pendapatan dan perbelanjaan yang telah diluluskan bagi tiga (3) tahun yang lalu adalah seperti berikut :

	2008	2009	2010
	RM	RM	RM
Hasil	148,003,419	145,154,905	150,192,610
Perbelanjaan	167,546,323	160,624,707	161,509,922
Defisit	(19,542,904)	(15,469,802)	(11,317,312)

Walaupun bagaimanapun prestasi sebenar selepas penutupan akaun bagi tiga (3) tahun tersebut adalah seperti jadual berikut :

	2008	2009	2010
	RM	RM	RM
Hasil	146,285,627	157,400,632	167,669,222
Perbelanjaan	143,267,338	142,829,494	144,633,151
Lebihan	3,018,289	14,571,138	23,036,071

Ahli-Ahli Majlis Sekelian,

Pada tahun 2012 MPSP masih juga perlu menyediakan bajet defisit dengan mengambilkira kenaikan kos semasa bahan-bahan, dan kos-kos lain di pasaran tempatan. Angaran-anggaran perbelanjaan 2012 yang dicadangkan ini juga mengambilkira keupayaan dan prestasi sebenar Majlis berdasarkan kepada prestasi tahun lepas dan prestasi semasa. Prestasi kewangan semasa sehingga 12 Ogos 2011 adalah seperti berikut :

	Sebenar (<i>sehingga 12 Ogos 2011</i>)
	RM
Pendapatan	111,537,526
Perbelanjaan	69,844,233
Lebihan	41,693,293

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekelian,

Pada tahun hadapan, Majlis telah merangka beberapa dasar baru yang telah diluluskan dan akan diterjemahkan pelaksanaannya melalui bajet 2012. Dasar-dasar itu adalah seperti berikut;

- i. Program Pembersihan Bersepadu
- ii. Pengurusan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Pulau Burung dan Transfer Station Ampang Jajar.
- iii. Projek Perintis Bajet Responsif Gender
- iv. Pembelian Kenderaan Bagi Tujuan Operasi dan Pembersihan
- v. Meningkatkan Kapasiti Sumber Manusia.

Melalui KRA 1 Majlis iaitu Meningkatkan Program Pembersihan, Majlis telah merangka satu lagi tranformasi program pembersihan yang

bertujuan untuk memperkasakan lagi pembersihan di kawasan Seberang Perai. Tumpuan program ini memberi impak yang besar dalam bajet 2012 yang meliputi pembersihan bersepadu KPA/PPS, penambahbaikan pengurusan tapak pelupusan sampah di Pulau Burung dan di Transfer Station Ampang Jajar.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekelian,

KLASIFIKASI BAJET

Bajet 2012 Majlis boleh dilihat dari 3 perspektif seperti berikut;

1. Bajet mengikut aktiviti utama :

Aktiviti Utama	RM
Pembersihan	84,425,000
Kawasan Industri	15,400,000
Operasi	33,979,085
Perkhidmatan	11,220,000
Pentadbiran	5,655,000
Harta modal	3,645,000
Pembangunan	3,100,000

2. Pecahan bajet mengikut jabatan pula adalah seperti berikut :

Jabatan	Sebenar 2010	Bajet 2011	Bajet 2012	%
Khidmat	17,697,348	20,104,960	21,523,972	7.1

Pengurusan				
Undang-Undang	4,320,056	2,379,700	2,484,780	4.4
Perbandaran	65,739,884	89,305,900	109,658,400	22.8
Kejuruteraan	15,160,126	17,166,180	19,100,530	11.3
Bangunan	2,631,035	2,789,610	2,783,500	-0.2
Perancang Bandar	2,590,551	2,621,100	2,645,900	0.9
Perbendaharaan	11,599,725	11,002,123	8,394,000	-23.7
Penilaian	2,597,728	3,023,800	3,328,100	10.1
Kemasyarakatan	1,391,563	1,685,000	1,686,080	0.1
Pelesenan	4,744,398	5,327,200	6,288,200	18.0
Kesihatan	3,351,391	3,541,052	3,610,200	2.0
Direktorat	2,350,743	5,399,600	6,806,600	26.1
Pesuruhjaya Bangunan		153,900	152,000	-1.2
Peruntukan Guna Sama	5,592,821	13,144,000	13,410,135	2.0
Jumlah	139,767,369	177,644,125	201,872,397	13.6

3. Bajet mengikut bidang keberhasilan utama (KRA) :

Aktiviti Utama	RM
Meningkatkan kebersihan	103,609,980
Penyelenggaraan yang efisien	15,518,950
Meningkatkan tahap keselamatan	5,358,350
Keceriaan bandar	4,066,840
Penguatkuasaan	8,210,600
Memantapkan organisasi & proses kerja	8,564,831

KOMPONEN HASIL

Dalam tahun 2012 adalah dijangkakan MPSP akan memperolehi hasil berjumlah RM172,177,517 yang terdiri daripada :

Hasil Cukai RM132,119,284, menyumbang 76.7% dari keseluruhan hasil, Hasil Bukan Cukai RM32,058,233, 18.6% dan Terimaan Bukan Hasil RM8,000,000, 4.6%.

Hasil cukai merupakan penyumbang utama pendapatan MPSP dan ianya terdiri daripada komponen yang berikut :

Hasil Cukai	RM
Cukai Taksiran Bangunan	121,813,642
Cukai Taksiran Tanah	4,822,533
Caruman Membantu Kadar	5,483,109
Jumlah Hasil Cukai	132,119,284

Hasil cukai dijangkakan meningkat sebanyak 4.5% berbanding dengan anggaran pada tahun semasa.

Manakala hasil bukan cukai adalah terdiri dari komponen berikut, dan dijangkakan meningkat 21.4 % berbanding dengan anggaran tahun semasa sebanyak RM26.4 juta :

Hasil Bukan Cukai	RM
Lesen dan Permit	9,669,800
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	8,305,000
Perolehan dari Jualan Barang-Barang	230,000
Sewaan	6,998,433
Faedah dan Perolehan dari Pelaburan	1,588,000
Denda dan Hukuman	5,012,000
Pelbagai	255,000
Jumlah	32,058,233

Terimaan bukan hasil terdiri daripada :

1. Bantuan bayaran bil lampu jalan berjumlah RM3.0 juta daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
2. Geran tahunan kerajaan pusat berjumlah RM5 juta yang akan diterima selepas akaun tahunan 2011 dihantar ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Butiran anggaran hasil keseluruhan adalah seperti berikut;

PERKARA	SEBENAR 2010	ANGGARAN 2011	ANGGARAN 2012	%
CUKAI BANGUNAN	114,273,236	116,156,911	121,813,642	4.7
CUKAI TANAH	3,861,274	4,714,968	4,822,533	2.3
CARUMAN MEMBANTU KADAR	5,747,662	5,551,093	5,483,109	-1.2
LESEN DAN PERMIT	8,424,625	8,319,300	9,669,800	16.2
PERKHIDMATAN & BAYARAN PERKHIDMATAN	7,232,152	6,464,400	8,305,000	28.5
JUALAN ASET & BARANG-BARANG	5,223,811	180,000	230,000	27.8
SEWAAN	8,102,969	5,780,630	6,998,433	21.1
FAEDAH PEROLEHAN DARI PELABURAN	1,362,734	1,000,000	1,588,000	58.8
DENDA DAN HUKUMAN	5,637,276	3,672,000	5,012,000	36.5
PELBAGAI	201,067	1,000,000	255,000	-74.5
TERIMAAN LAIN	2,467,342	2,500,000	3,000,000	20.0
TERIMAAN DARI AGENSI KERAJAAN	5,135,074	5,000,000	5,000,000	0
JUMLAH	167,669,222	160,339,302	172,177,517	7.4

PERBELANJAAN

Berikut adalah peratusan pecahan perbelanjaan Majlis 2012;
Emolumen 29.0%, Perkhidmatan dan Bekalan 64.8%,
Pembangunan 1.5%, Harta Modal 1.8%, Pemberian dan Kenaan
Bayaran Tetap 1.8%, dan Perbelanjaan lain 1.0%.

Pecahan Perbelanjaan

Perbelanjaan dijangka meningkat sebanyak 13.6% berbanding dengan anggaran tahun semasa.

Perbelanjaan mengikut 3 komponen utama adalah seperti berikut :

	RM
Perbelanjaan Mengurus	195,127,397
Perbelanjaan Pembangunan	3,100,000
Perbelanjaan Harta Modal	3,645,000
Jumlah	201,872,397

Anggaran perbelanjaan adalah terdiri daripada pecahan seperti berikut :

	RM	%
Emolumen	58,548,312	4.7
Perkhidmatan dan bekalan	130,924,085	21.2
Pembangunan	3,100,000	47.6
Harta modal	3,645,000	12.3
Pemberian dan kenaan bayaran tetap	3,730,000	-40.4
Perbelanjaan lain	1,925,000	-10.5
Jumlah Perbelanjaan	201,872,397	13.6

Emolumen

Bagi tahun 2012 anggaran emolumen dibuat mengikut pengisian setelah mengambilkira pelarasan kenaikan gaji serta tambahan

perjawatan baru dengan anggaran keseluruhan berjumlah RM58,548,312. Majlis akan menekankan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan kecekapan secara menyeluruh kakitangan dari segi aspek-aspek fizikal, mental dan spiritual selaras dengan saranan Pihak Berkuasa Negeri untuk meningkatkan produktiviti melalui 3S, iaitu mewujudkan Sikap yang positif, Sistem yang cekap, dan Semangat berpasukan. Sebuah organisasi yang berjaya bukan sahaja dinilai dari segi bilangan kakitangan yang ramai tetapi organisasi yang mempunyai kakitangan yang mahir, cekap mengendalikan sumber-sumber, profesional dan beretika, serta yakin kepada kebolehan diri sendiri merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan sesebuah organisasi.

Dengan adanya "*knowledge workers*" dan kakitangan yang mempunyai kemahiran, kreativiti dan inovasi yang tinggi, ianya dapat membantu Majlis menyampaikan perkhidmatan yang lebih cemerlang dan mudah. Justeru dapat menjimatkan kos pentadbiran.

Seiring dengan saranan YAB Ketua Menteri Pulau Pinang, Majlis akan berusaha untuk menerapkan konsep 3ABCD kepada kakitangan MPSP. 3ABCD bermaksud;

1. 3A; Mutu perkhidmatan kepada rakyat yang Available, Accessible dan Affordable;
2. 3B; Pegawai yang Bijak, Berani dan Benar dalam menjalankan tugas,
3. 3C; Mengatasi masalah Crime, Congestion of traffic dan Cleanliness;
4. 3D; Bersedia untuk menjalankan kerja yang bersifat 3D Dirty,

Difficult and Dangerous.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekelian,

Jumlah perjawatan tetap sediada di Majlis yang telah diluluskan sehingga tahun 2010 adalah sebanyak 1,905. Walau bagaimanapun jawatan yang telah diisi adalah sebanyak 1,717. Bilangan perjawatan sediada adalah seperti berikut:-

Kategori Jawatan	Tetap
Jawatan Utama Sektor Awam	1
Kumpulan Pengurusan & Profesional	73
Kumpulan Sokongan 1	847
Kumpulan Sokongan 2	984
Jumlah	1,905

Perbelanjaan Mengurus/Berulang

Perbelanjaan mengurus yang berulang boleh dibahagikan kepada item-item berikut :

Perbelanjaan Mengikut Kategori	RM
Pengangkutan dan Perjalanan	1,081,000
Kursus, Seminar dan Lawatan	1,150,000
Perhubungan dan Utiliti	5,257,010
Sewaan	505,810
Bekalan Bahan untuk Penyelenggaraan	1,847,000
Bekalan Bahan-Bahan Lain	1,475,435
Penyelenggaraan dan Pembaikan	89,387,830
Perkhidmatan	30,220,000
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	3,730,000
Perbelanjaan Lain	1,925,000
Jumlah	136,579,085

Di dalam perbelanjaan berulang ini, perkara yang perlu difokuskan adalah perbelanjaan Penyelenggaraan dan Pembaikan yang berjumlah RM89.4 juta dan perbelanjaan Perkhidmatan sebanyak RM30.2 juta.

Perbelanjaan Penyelenggaraan dan Pembaikan meningkat sebanyak 21.3% berbanding dengan RM73.7 juta pada anggaran tahun semasa. Item yang utama adalah seperti berikut :

Penyelenggaraan dan Pembaikan	RM
KPA	32,500,000
PPS	32,500,000
Penyelenggaraan kawasan Perindustrian (parit monsun)	1,000,000
Penyelenggaraan parit monsun & kolam takungan	2,600,000
Penyelenggaraan dan pengindahan lanskap	1,000,000
Pasar awam dan kompleks penjaja	500,000
Penyelenggaraan lampu isyarat, tempat letak kereta, pondok bas	100,000
Penyelenggaraan rumah pam kawalan banjir	300,000
Penyelenggaraan & pembaikan kompleks sukan	400,000
Penyelenggaraan Lampu Jalan	2,000,000
Penyelenggaraan & pembaikan kecil bangunan	1,102,800
Kontrak pembersihan kompleks makanan & perniagaan MPSP	2,900,000
Bayaran Bil Lampu Awam	6,000,000
Penyelenggaraan bangunan Majlis	1,530,000
Penyelenggaraan tempat membuang sampah	200,000
Penyelenggaraan tong sampah	300,000
Penyelenggaraan & penjagaan bangunan & harta Majlis	805,000
Penyelenggaraan kenderaan Majlis	1,300,000
Penyelenggaraan/ pembaikan mesin berjentera	160,000
Penyelenggaraan kualiti air kolam renang	216,000

Perbelanjaan perkhidmatan pula meningkat sebanyak 28.7% berbanding RM23.5 juta pada tahun semasa. Antara perbelanjaan perkhidmatan utama adalah seperti berikut :

Perbelanjaan Perkhidmatan	RM
Bayaran tipping fees	15,000,000
Bayaran transfer station	4,000,000

Perkhidmatan perubatan dan klinik panel	1,600,000
Perkhidmatan kawalan keselamatan	1,000,000
Emolumen kakitangan kontrak dan sambilan	4,500,000
Perbelanjaan undang-undang	300,000
Bayaran perkhidmatan perunding	100,000
Bayaran kajian & pembangunan struktur MPSP	600,000
Kos percetakan dokumen	700,000
Mencetak kupon letak kereta	380,000
Bayaran perkhidmatan Agensi Kutipan Bersama	400,000
Program pungutan dan kutipan cukai	737,000
Mesyuarat, dialog & keraian	100,000
Majlis penghargaan	180,000
Kajian projek "Gender Responsive Budgeting"	200,000

Dari butiran yang saya telah sebutkan tadi, fokus utama bajet MPSP 2012 adalah ke atas Program Pembersihan Bersepadu, Pengurusan Tapak Pelupusan sampah Pulau Burung dan Pengurusan Transfer Station di Ampang Jajar. Peruntukan KPA dan PPS meningkat 37.1% berbanding tahun semasa. Kos tipping fees Pulau burung pula dijangka meningkat 66.7% manakala peruntukan transfer station tidak berubah tetapi kekal pada RM4 juta.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekelian,

Termasuk dalam kategori perbelanjaan ini adalah perbelanjaan pembangunan berjumlah RM3,100,000. Perbelanjaan pembangunan terdiri daripada :

Perbelanjaan Pembangunan	RM
Projek Pengindahan Lanskap dan Rekreasi	300,000
Membina Tempat Rekreasi Awam dan Sukan	500,000
Projek Jawatankuasa Majlis (Projek Ahli Majlis)	1,200,000
Naik Taraf Gerai dan Kompleks Makanan	1,000,000
Pembinaan bangunan (untuk chiller)	100,000

Jumlah	3,100,000
--------	-----------

Majlis tidak berkemampuan menyediakan peruntukan projek pembangunan yang banyak kerana untuk mengimbangi kenaikan kos bahan-bahan dan penyelenggaraan dan keperluan aktiviti-aktiviti utama yang lain. Tambahan pula Kerajaan Negeri sentiasa membantu Majlis dari segi kewangan untuk menampung projek-projek pembangunan seperti Pembaikan dan Naiktaraf Pasar Awam. Peruntukan pembangunan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Kewangan melalui MIDA juga diterima.

Bagi mempertingkatkan lagi kelengkapan, sistem dan proses kerja, sejumlah RM3,645,000 disediakan untuk perbelanjaan harta modal iaitu :

Perbelanjaan Harta Modal	RM
Alat-Alat Pejabat	250,000
Perkakasan dan Perisian Komputer	700,000
Alat-Alat dan Mesin Kejuruteraan	20,000
Mesin Rumput	60,000
Kenderaan	2,615,000
Jumlah	3,645,000

Majlis sememangnya sedar bahawa untuk meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan, Program ICTnya harus dipertingkatkan lagi. Banyak proses-proses kerja telah dipermudahkan melalui komputerisasi. Dari aspek inovasi perkhidmatan kewangan, Majlis telah memenangi beberapa anugerah di peringkat negeri Pulau Pinang. Kita telah menjadi johan Anugerah Kualiti Pengurusan Kewangan peringkat Negeri Pulau

Pinang pada tahun 2009. Pada tahun 2010 kita telah disenarai pendek ke peringkat akhir dalam Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan, juga di peringkat Negeri. Di peringkat kebangsaan pula kita telah berjaya menjadi 3 agensi terbaik dalam Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan Sektor Awam 2010. Hasil pembangunan ICT kita telah berjaya menarik minat PBT lain untuk bersama-sama berkongsi pengetahuan dan kemahiran dan seterusnya mengadakan perkongsian pintar dengan MPSP. Usaha kita dalam inovasi Kewangan melalui ICT ini telah pun diiktiraf oleh KPKT. Ini terbukti apabila MPSP dijemput untuk membentangkan “*knowledge sharing of best practices*” sewaktu perjumpaan dengan Ketua Setiausaha Negara pada bulan Jun yang lalu.

Oleh yang demikian, untuk memastikan kesinambungan usaha-usaha inovasi di dalam MPSP, pada tahun hadapan kita memperuntukkan RM0.7 juta untuk meningkatkan proses-proses kerja melalui ICT. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Seberang Perai sebagai Pihak Berkuasa Tempatan bertaraf antarabangsa.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekelian,

Pembelian kenderaan pada tahun 2012 adalah bagi menggantikan kenderaan lama untuk tujuan operasi dan aktiviti pembersihan berjumlah RM2.6 juta. Senarai pembelian kenderaan yang diperuntukkan adalah seperti berikut :

Kenderaan	RM	Jabatan
Traktor mesin rumput untuk kompleks	70,000	Kemasyarakatan

sukan – 1 unit		
Kenderaan Rasmi Majlis – 1 unit	180,000	K. Pengurusan
Lori kecil – 1 unit untuk aktiviti penangkapan anjing	140,000	Kesihatan
Van – 3 unit, 1 unit bagi menggantikan van lama dan 2 unit tambahan	285,000	Direktorat
Jentolak – 1 unit (bagi keperluan meroboh)	250,000	Direktorat
Kenderaan risikan operasi penguatkuasaan – 1 unit	60,000	Direktorat
Lori kren (Grabber) – 2 unit	560,000	Perbandaran
Road sweeper – 1 unit	720,000	Perbandaran
Wood chipper – 1 unit (Pengindahan)	100,000	Perbandaran
Jengkaut – 1 unit	250,000	Perbandaran

Berdasarkan kepada pembentangan di atas beserta justifikasi-justifikasi yang telah dibentangkan, saya memohon mencadangkan supaya suatu bajet Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi tahun 2012 yang telah dibentang ini, untuk ditimbang dan diluluskan di dalam mesyuarat Majlis Penuh Khas pada hari ini.

Saya percaya Ahli-Ahli Majlis sudah meneliti cadangan bajet 2012 yang telah diedarkan. Oleh itu saya berharap cadangan Bajet ini dapat dipertimbangkan dan diluluskan dalam Majlis ini seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 55 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Oleh yang demikian, dengan amanah dan tanggungjawab serta kuasa yang telah diperuntukkan, saya memohon Majlis Penuh hari ini menimbang dan meluluskan Bajet MPSP untuk tahun 2012 seperti berikut :

RM

Hasil : 172,177,517

Perbelanjaan : 201,872,397

Defisit : (29,694,880)

Saya Mohon Mencadangkan.

Saya sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah, assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

MAIMUNAH BINTI MOHD SHARIF DJN, AMN ,BCN, PKT, PJK
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Seberang Perai